

Lelaki mati dengan kesan tetakan

08/04/09

N10.

RAWANG – Seorang lelaki ditemui mati dengan kesan tetakan di kepala dan dagu di bekas tapak kolam ikan berhampiran sebuah projek perumahan Desa Anggung, Batu 21, Jalan Batu Arang, dekat sini, semalam.

Mangsa dipercayai warga Indonesia ditemui dalam keadaan mengiring di dalam lopak air oleh pekerja tapak projek berkenaan kira-kira jam 12.45 tengah hari.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Abdul Rahim Abdullah berkata, mangsa yang berusia dalam lingkungan 30-an itu hanya berseluar dalam dan masih berbaju selain memakai jam tangan berwarna emas.

"Mangsa dipercayai ditetak dengan objek tajam sehingga menyebabkan ke-

cederaan serius di kepala, dagu malah pipi kanan mangsa seakan-akan dihiris sehingga kulitnya hampir tercabut. Polis turut menemui gigi mangsa kira-kira 15 meter dari kawasan mayat ditemui," katanya, semalam.

Abdul Rahim berkata, polis percaya mangsa di bunuh di tempat kejadian dan mangsa dipercayai mati awal pagi semalam.

"Saya tidak menolak kemungkinan mangsa diserang lebih daripada seorang suspek," katanya.

Menurutnya, tiada dokumen pengenalan diri ditemui termasuk senjata yang digunakan terhadap mangsa.

"Motif kejadian masih disiasat," katanya.

Mayat mangsa dihantar ke Hospital Sungai Buloh untuk dibedah siasat.